

For immediate release

MEDIA STATEMENT

IDEAS welcomes ratification of the CPTPP, states it will facilitate Malaysia's post-pandemic recovery

Kuala Lumpur, 7 October 2022 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) welcomes the ratification of the Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP) as recently announced by the Ministry of International Trade and Industry (MITI) after eight years of negotiations. IDEAS noted that ratifying the CPTPP will help invigorate trade activities and economic growth in the backdrop of economic recovery from the pandemic and the looming global economic downturn next year.

Dr Tricia Yeoh, CEO of IDEAS highlighted that, "The CPTPP is a mega-free trade deal involving 11 members from across the Pacific Rim. In 2019, the member economies of the CPTPP collectively comprised 13% of global GDP. However, unlike traditional free trade agreements (FTAs) the CPTPP goes beyond providing market access for goods, services and investments only as it aims to provide high-quality standards on issues such as state-owned enterprises, public procurement, the environment and labour issues. IDEAS congratulates the government of Malaysia, in particular negotiators from the Ministry of International Trade and Industry (MITI) for this long-awaited accomplishment. We look forward to seeing how the trade deal will boost our economic productivity in the mid to long-term, especially in setting high standards throughout our economy at both federal and state levels."

Malaysia had joined the original iteration of the agreement, the Trans-Pacific Partnership (TPP), in the third round of negotiations in October 2010. Following the 19th and final round of negotiations in 2013 the original TPP would be finalised, with Malaysia subsequently signing the agreement in February 2016 with the 11 other founding members. With the exit of the United States in early 2017, the 11 remaining members would convene in May 2017 on the sidelines of the APEC MRT Meeting in Hanoi, Vietnam, to reaffirm the importance of the TPP. The 11 countries would subsequently meet over several rounds to find ways to implement the TPP without the US.

Eventually, it was agreed to replace the TPP with the CPTPP, which Malaysia would become a signatory to on 8 March 2018 in Santiago, Chile. While the content of the original agreement is largely maintained, 22 provisions of the TPP were suspended or otherwise changed in the CPTPP. On ISDS in particular, in CPTPP foreign investors can no longer make an ISDS claim for violation of private investment contracts with the Government, or investment authorisations.

In the journey towards Malaysia's ratification of the CPTPP, many laws have been passed since 2018. Nine out of 14 acts at the federal level related to the CPTPP were passed in Parliament. The other five acts and ordinances namely, the Employment Act 1955, Trade Unions Act 1959, Labour Ordinance (Sabah Chapter 67), Labour Ordinance (Sarawak Chapter 76), and the Communications and Multimedia Act 1998 were also tabled in Parliament for amendments.

"Despite data limitations, the preliminary quantitative and qualitative data of ratified partners of CPTPP have indicated positive trends on exports, imports and greenfield investments thus far based on the preliminary findings shared at the Asian Competitiveness Institute Research Conference on Assessing the Impact of CPTPP," said Dr Juita Mohamad, Director of Research of IDEAS. "While the ratification of agreement marks an important milestone, a continuous assessment on the impact of the CPTPP on the ground needs to take place within the country and among the CPTPP members. There also needs to be additional support for SMEs to enhance their competitiveness so that they can effectively participate in the supply chain."

--- END ---

For enquiries, please contact:

Dr Juita Mohamad
Director of Research;
Director, Economic and Business Unit
juita@ideas.org.my

Louis Denis
Manager, External Relations
louis@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

Untuk siaran segera

KENYATAAN MEDIA

IDEAS alu-alukan ratifikasi CPTPP, nyatakan perjanjian akan mudahkan pemulihan pasca-pandemik

Kuala Lumpur, 7 Oktober 2022 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) mengalu-alukan ratifikasi Perjanjian Perkongsian Komprehensif dan Progresif Trans-Pasifik (CPTPP) seperti yang diumumkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) baru-baru ini setelah berunding selama lapan tahun. IDEAS maklum bahawa meratifikasi CPTPP akan membantu menghidupkan semula aktiviti perdagangan dan pertumbuhan ekonomi dalam situasi pemulihan ekonomi daripada pandemik dan kemelesetan ekonomi dunia yang akan melanda tahun hadapan.

Dr Tricia Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS menggariskan bahawa, "CPTPP merupakan sebuah perjanjian perdagangan bebas mega melibatkan 11 buah negara anggota merentasi Lingkungan Pasifik. Pada tahun 2019, ekonomi negara anggota CPTPP secara kolektif merangkumi 13% daripada KDNK dunia. Namun, tidak seperti perjanjian perdagangan bebas (FTA) tradisional, CPTPP melangkaui menyediakan capaian pasaran hanya untuk barang, perkhidmatan dan pelaburan sahaja kerana perjanjian ini menyasarkan untuk menyediakan piawaian berkualiti tinggi berkenaan permasalahan seperti perusahaan milik negara (SOE), perolehan awam, alam sekitar dan buruh. IDEAS mengucapkan tahniah kepada kerajaan Malaysia, terutamanya para perunding daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) atas pencapaian yang ditunggu-tunggu ini. Kami menantikan untuk melihat bagaimana perjanjian perdagangan ini akan merangsang produktiviti ekonomi negara dalam jangka sederhana sehingga jangka panjang, terutamanya dalam meletakkan piawaian yang tinggi dalam ekonomi kita di kedua-dua peringkat persekutuan dan negeri."

Malaysia telah menyertai lelaran asal perjanjian ini, Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP), pada pusingan ketiga perundingan pada bulan Oktober 2010. Berikutnya pusingan ke-19 dan terakhir perundingan pada tahun 2013, TPP yang asal akan dimuktamadkan, dengan Malaysia kemudiannya menandatangani perjanjian itu pada bulan Februari 2016 bersama-sama 11 negara anggota pengasas yang lain. Apabila Amerika Syarikat menarik diri pada awal tahun 2017, 11 baki negara anggota telah bersidang pada bulan Mei 2017 di luar Mesyuarat APEC MRT di Hanoi, Vietnam untuk membuat penegasan tentang kepentingan TPP. 11 negara anggota ini kemudiannya bertemu dalam beberapa pusingan untuk mencari jalan agar dapat melaksanakan TPP tanpa Amerika Syarikat.

Akhirnya, telah dipersetujui bahawa TPP akan digantikan dengan CPTPP, yang Malaysia menjadi penandatangan pada 8 Mac 2018 di Santiago, Chile. Walaupun isi kandungan utama perjanjian asal kebanyakannya dikekalkan, terdapat 22 peruntukan TPP yang telah digantung atau diubah dalam CPTPP. Berkenaan penyelesaian pertikaian pelabur-negara (ISDS) terutamanya, dalam CPTPP pelabur asing tidak lagi boleh melakukan tuntutan ISDS kerana melanggar kontrak pelaburan swasta dengan Kerajaan, atau kebenaran pelaburan.

Dalam perjalanan Malaysia untuk meratifikasi CPTPP, beberapa undang-undang telah diluluskan sejak tahun 2018. Sembilan daripada 14 akta di peringkat persekutuan yang berkaitan dengan CPTPP telah diluluskan di Parlimen. Baki lima akta dan ordinan, iaitu Akta Kerja 1955, Akta Kesatuan Sekerja 1959, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67), Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76), dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 juga telah dibentangkan di Parlimen untuk pindaan.

“Walaupun dengan data yang terhad, data kuantitatif dan kualitatif awal rakan kongsi yang telah meratifikasi CPTPP menunjukkan arah aliran positif ke atas eksport, import dan pelaburan lapangan hijau setakat ini berdasarkan penemuan awal yang dikongsikan di Persidangan Penyelidikan Institut Daya Saing Asia mengenai Menilai Kesan CPTPP,” kata Dr Juita Mohamad, Pengarah Penyelidikan IDEAS. “Walaupun ratifikasi perjanjian menandakan satu peristiwa penting, penilaian berterusan ke atas kesan CPTPP di lapangan perlu dilakukan di dalam negara dan di kalangan ahli CPTPP. Sokongan tambahan juga diperlukan PKS untuk meningkatkan daya saing mereka supaya mereka boleh mengambil bahagian dengan berkesan dalam rantaian bekalan.”

--- TAMAT ---

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Dr Juita Mohamad
Pengarah Penyelidikan;
Pengarah, Unit Ekonomi dan Perniagaan
juita@ideas.org.my

Louis Denis
Pengurus Perhubungan Luar
louis@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.